

20 JUL 2001

Mahathir-Renong

JANGAN PANDANG NEGATIF PENGAMBILALIHAN RENONG, KATA DR MAHATHIR

TUMPAT, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak supaya tidak membuat sebarang spekulasi serta berpandangan negatif berhubung laporan bahawa kerajaan akan mengambilalih Renong Berhad, syarikat pengendali projek infrastruktur yang kini menanggung hutang sebanyak RM13 billion.

Perdana Menteri berkata jikapun langkah mengambilalih Renong itu dilaksanakan, kerajaan memberi jaminan tidak akan menyalahgunakan wang rakyat.

"Tunggulah dulu, saya pun tak tahu apa nak jadi (berhubung ambil alih Renong). Kita tengoklah tetapi kita tak akan menyalahgunakan wang rakyat," katanya kepada pemberita selepas menemui penduduk Pengkalan Kubor di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa kerajaan minggu depan akan mengambil alih dan membuat pengstruktur semula Renong Berhad, melalui Khazanah Nasional Berhad dengan bantuan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Renong mempunyai kepentingan dalam beberapa projek utama seperti Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), projek Sistem Transit Aliran Ringan (LRT Putra) dan bidang telekomunikasi (TIMEdot.Com).

Perdana Menteri berkata ramalan bercorak negatif seperti pengambilalihan itu akan menyebabkan kenaikan tol PLUS dan tambang LRT adalah tidak bertanggungjawab.

"Macam-macam ramalan seperti inilah yang jadi kacau dalam pasaran saham. Orang buat ramalan bukan-bukan. Sabarlah," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI